

09 APR 2002

Sukan-Skuasy (Pemain)/I

WAKIL PEMAIN DALAM JAWATANKUASA PENGURUSAN

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Persatuan Skuasy Malaysia (SRAM) bercadang memasukkan dua wakil pemain dalam jawatankuasa pengurusannya.

Pemangku presiden Datuk Mokhzani Mahathir berkata pelantikan wakil itu, seorang lelaki dan seorang wanita, adalah penting untuk menyelesaikan sebarang masalah di kalangan pemain.

"Para pemain perlu melantik wakil mereka yang boleh menghadiri mesyuarat bulanan jawatankuasa pengurusan. Dengan itu kami akan tahu apa yang mereka mahukan dan cuba menyelesaikan masalah mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pemain nombor tiga negara Tricia Chuah telah menyuarakan rasa tidak puashatinya kerana tidak menerima elaun latihan sejak Januari. Dia juga kecewa dengan SRAM kerana tidak membantunya mendapatkan biasiswa bagi membiayai pengajiannya.

Tricia memilih program berkembar antara Sunway College dan Monash University. Bagi pengajian pra universiti, Majlis Sukan Negara mempunyai satu program kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mokhzani berkata SRAM boleh merujuk kepada UPM untuk mendaftarkannya bagi pengajian pra universiti, tetapi pemain itu sendiri tidak mengetahui program yang akan diikutinya.

"Kami faham bahawa pendidikan pemain tidak boleh diketepikan. Kami mempunyai program sedemikian di UPM melalui MSN tetapi Tricia memilih untuk pergi ke Sunway College.

"Pada masa akan datang mana-mana pemain skuasy yang mahu melanjutkan pelajaran boleh merujuk kepada program itu. Disebabkan itu kita memerlukan wakil pemain dalam jawatankuasa pengurusan untuk menyelesaikan kes sedemikian," kata Mokhzani.

Sementara itu, beliau berkata mesyuarat bulanan jawatankuasa pengurusan akan diadakan di seluruh negara secara bergilir bermula di Pahang bulan depan.

Setiap negeri akan berpeluang menjadi tuan rumah dan semasa mesyuarat itu wakil-wakil negeri akan turut hadir membentangkan laporan dan masalah mereka untuk diselesaikan bersama, katanya.

-- BERNAMA

HRS ZS RON